



Ruj. kami : JKNS/KAV/600-5/2/1 Jld 3 (28)

Tarikh : 17 Januari 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Dr/Tuan/Puan,

KEY POINTS HASIL SEMAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEMATIAN DEMAM DENGGI PERINGKAT NEGERI SELANGOR BIL 17/2023

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas adalah berkaitan.

2. Jabatan Kesihatan Negeri Selangor adalah komited ke arah mencapai sasaran Kadar Kematian Demam Denggi - *Case Fatality Rate* (CFR) <0.2% seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. **CFR tahun 2022 yang dicatatkan oleh Selangor ialah 0.04%.**

3. Mesyuarat Semakan Kematian Denggi Peringkat Negeri Selangor **Bil 17/2023 telah diadakan pada 28 Disember 2023.** Berikut adalah *key points* hasil mesyuarat tersebut sebagai perkara yang perlu diberi perhatian dan dibuat tindakan susulan oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan fasiliti kesihatan di Negeri Selangor:

3.1 Pemberian NSAID Kepada Kes Bergejala Demam Atau Mempunyai Simptom-Simptom Denggi Yang Lain.

Semua pengamal perubatan sama ada di fasiliti kerajaan atau swasta perlu meningkatkan kesedaran dalam membuat diagnosis demam denggi dan seterusnya tidak memberikan *Non-steroidal Anti Inflammatory Drugs* (NSAID) kepada pesakit yang hadir dengan gejala demam atau simptom-simptom demam denggi yang lain kerana ini boleh menerukkan keadaan pesakit.

Tindakan: Pakar Perubatan Keluarga (FMS) Negeri
Bahagian Perubatan, Negeri
Pengarah/Pihak Pengurusan Hospital Swasta
Ketua Cawangan Kesihatan Amalan Perubatan Swasta, JKNS
Majlis Perubatan Malaysia (Selangor)

3.2 Ujian Pengesanan Demam Denggi

Index of suspicion yang tinggi perlu ada pada semua pegawai perubatan yang melihat pesakit dengan gejala demam serta simptom-simptom demam denggi yang lain. Ujian *full blood count* (FBC) serta ujian pengesanan denggi (*Dengue Combo Test Kit*; DCTK) perlu dijalankan ke atas pesakit.

Semua fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta perlu memastikan ujian saringan demam denggi disediakan di fasiliti masing-masing. Sekiranya

**KEY POINTS HASIL SEMAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEMATIAN
DEMAM DENGGI PERINGKAT NEGERI SELANGOR BIL 17/2023**

fasiliti swasta tidak mempunyai ujian saringan ini atau pesakit tidak mampu untuk membayar ujian saringan tersebut, pengamal perubatan swasta perlu merujuk dengan segera pesakit yang disyaki demam denggi ke fasiliti kesihatan kerajaan yang terdekat bagi tujuan diagnosis.

Tindakan: Pakar Perubatan Keluarga (FMS) Negeri
Bahagian Perubatan, Negeri
Pengarah/Pihak Pengurusan Hospital Swasta
Ketua Cawangan Kesihatan Amalan Perubatan Swasta, JKNS
Majlis Perubatan Malaysia (Selangor)

3.3 Penggunaan ECHO Dan *Ultrasound* Diperlukan Bagi *Fluid Assessment* Untuk Pesakit Denggi Berisiko Tinggi Seperti *Morbid Obesity* Di Hospital Yang Mempunyai Kemudahan Tersebut.

Terdapat kesukaran dalam pengurusan pesakit Demam Denggi populasi khas seperti *morbid obesity*. Penggunaan *ultrasound guided fluid assessment* sangat kritikal dalam pesakit sebegini bagi mengelakkan komplikasi yang timbul kesan dari *under volume* atau *fluid overload*.

Tindakan: Bahagian Perubatan, Negeri
Pengarah Hospital Negeri
Pengarah Hospital Pengajar
Ketua Kepakaran Kecemasan Negeri
Ketua Kepakaran Perubatan Negeri
Ketua Kepakaran Anaestisiologi Negeri

3.4 Dengue PCR perlu dilakukan bagi semua kes Severe Dengue & kes kematian Denggi.

Merujuk kepada surat dari Pejabat Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) KKM : Survelan Serotaip Virus Denggi Bagi Kes "*Severe Dengue*" di *Intensive Care Unit (ICU)*, yang bertarikh 13 Disember 2013, sampel darah bagi semua kes *severe dengue* yang dimasukkan ke wad ICU perlu dihantar ke Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan, Sungai Buloh bagi tujuan ujian virus serotaip. Ujian PCR tersebut juga perlu dilakukan di fasiliti swasta/Hospital Pengajar terutamanya bagi kes *severe dengue* dan kes kematian denggi.

Tindakan: Bahagian Perubatan, Negeri
Pengarah Hospital Negeri
Pengarah Hospital Pengajar
Ketua Kepakaran Perubatan Negeri
Ketua Kepakaran Anaestisiologi Negeri

3.5 Latihan Pengurusan Denggi kepada Pengamal Perubatan

Hospital swasta dan Klinik swasta perlu memastikan semua pengamal perubatan yang terlibat dalam rawatan pesakit demam denggi telah mengikuti modul *dengue training* sama ada secara *online* atau fizikal.

Bagi latihan secara *online*, boleh merujuk kepada pautan seperti dibawah:

- i) Latihan *online* bagi pengamal perubatan di klinik swasta (*General Practitioner*):
<https://www.openlearning.com/courses/dengue-online-training/?cl=1>
- ii) Latihan *online* bagi pengamal perubatan di hospital pengajar dan swasta: <https://www.openlearning.com/courses/dengue-training-for-secondary-care/?cl=1>

Tindakan: Pengarah Hospital Pengajar
Ketua Cawangan Kesihatan Amalan Perubatan Swasta, JKNS
Majlis Perubatan Malaysia (Selangor)

3.6 Mesin *Full Blood Count* (FBC) sebagai *Point of Care Testing* (POCT) di Jabatan Kecemasan

Hospital Cyberjaya perlu mempunyai mesin FBC di Jabatan Kecemasan sebagai POCT kepada pelbagai jenis penyakit termasuklah Denggi.

Tindakan: Ketua Jabatan Kecemasan Hospital Cyberjaya
Bahagian Perubatan, Negeri
Pengarah Hospital Negeri
Ketua Kepakaran Kecemasan Negeri

4. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dr/Tuan/Puan dipohon agar dapat menyampaikan maklumat ini kepada pegawai dan anggota kesihatan di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Dr/Tuan/Puan agar perkhidmatan yang diberikan adalah komprehensif.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DR. WAN NORAINI BINTI WAN MOHAMED NOOR, J.S.M.)
MPM: 36963, NSR: 127697
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
b. p. Pengarah Kesihatan Negeri Selangor

s.k:-

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS)

*KEY POINTS HASIL SEMAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEMATIAN
DEMAM DENGGI PERINGKAT NEGERI SELANGOR BIL 17/2023*

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Ketua Unit
Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor, JKNS

Ketua Unit
Unit Kesihatan Primer

Ketua Cawangan
Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, JKNS

Ketua Perkhidmatan
Pakar Perubatan Keluarga (FMS) Negeri Selangor

Ketua Perkhidmatan
Perubatan Negeri Selangor

Ketua Perkhidmatan
Perubatan Kecemasan Negeri Selangor

Ketua Perkhidmatan
Perubatan Anaestisiologi Negeri Selangor

SENARAI EDARAN

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Petaling

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Klang

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Gombak

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat

Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Daerah Sepang

Pengarah Hospital, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang

Pengarah Hospital, Hospital Selayang

Pengarah Hospital, Hospital Serdang

Pengarah Hospital, Hospital Sg. Buloh

Pengarah Hospital, Hospital Ampang

Pengarah Hospital, Hospital Kajang

Pengarah Hospital, Hospital Banting

Pengarah Hospital, Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam

Pengarah Hospital, Hospital Kuala Kubu Bharu

Pengarah Hospital, Hospital Tanjong Karang

Pengarah Hospital, Hospital Shah Alam

Pengarah Hospital, Hospital Orang Asli Gombak

Pengarah Hospital, Hospital Cyberjaya

Pengarah Hospital, Hospital Orang Asli Gombak

Pengarah Pusat Perubatan Universiti Malaya

Pengarah Hospital Pengajar UiTM Puncak Alam

Pengarah Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (UPM)

Pengarah Hospital Canselor Tuanku Mukhriz
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Malaysia Medical Association
4th Floor, Bangunan MMA 124 Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur

Malaysian Medical Association Selangor
No.9, Lorong Bahagia
245500 Tanjong Karang, Selangor

Association of Private Hospitals of Malaysia
A-17-01, Menara UOA Bangsar
No 5, Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur

The Private Medical Practitioner's Association of Selangor and Kuala Lumpur
Unit 1.6, Level 1, Enterprise 3B
Technology Park Malaysia (TPM)
Jalan Inovasi 1
Lebuhraya Puchong- Sungai Besi, Bukit Jalil
57000 Kuala Lumpur